

BULETIN UTHM

Bil.12 Oktober 2023 | ISSN 2232-0415



**Sultan Johor terima anugerah
Ijazah Kehormat Doktor Falsafah
Teknologi Kejuruteraan Mekanikal**

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Sultan Johor terima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
- 3 4837 graduan dirai dalam Istiadat Konvokesyen UTHM ke-23
- 5 Profesor Ts. Dr. Ismail Abdul Rahman dianugerah gelaran Profesor Emeritus
- 7 Festival Konvokesyen 2023 bakal tarik lebih 60 ribu pengunjung
- 9 UTHM antara 150 universiti terbaik dunia dalam penarafan UIGWUR 2023
- 11 MAINJ sumbang RM18 ribu kepada pelajar Palestin UTHM
- 12 UTHM taja yuran pengajian, bantu sara hidup pelajar Palestin
- 13 Pasukan Mak Janda Johor raih anugerah 'Program Inovasi Terbaik' di Anugerah Ikon Siswa Johor 2023
- 15 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriayati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





Sultan Johor terima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan Mekanikal

BATU PAHAT, 2 Dis 2023 - Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan Mekanikal oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ketika berlangsungnya sidang khas pada hari pertama Istiadat Konvokesyen Ke-23 yang diadakan di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Untuk rekod, DYMM Sultan Johor merupakan Canselor UTHM sejak tahun 2002 hingga awal tahun 2022.

Pada 3 Disember tahun lalu, Tunku Mahkota Johor dimasyhurkan sebagai Canselor UTHM yang baharu.

Manakala, YAM Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UTHM yang baharu bersama Setiausaha Kerajaan Johor, Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani.

Anugerah tersebut diberikan bagi menghargai sumbangan dan kecemerlangan baginda dalam kepimpinan lestari kepada UTHM, Bangsa Johor dan Malaysia.

Merentasi beberapa dekad, DYMM Sultan Johor telah memainkan peranan penting dalam pembangunan negeri Johor dengan menonjolkan minat baginda yang mendalam terhadap pelbagai bidang, termasuklah bidang teknologi kejuruteraan mekanikal.

Bersempena ulang tahun UTHM ke-25, baginda telah memberikan sumbangan besar kepada universiti ini dengan menyokong pengembangan program-program inovatif antaranya program Aeronautik, termasuklah pernah menyumbang pesawat jenis "Lake Renegade LA-270" untuk kegunaan program tersebut.

Selain itu, baginda juga menyokong pengenalan Program Sarjana Muda dalam Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel, sejajar dengan perkembangan industri kereta api di Malaysia.



Ketika menjadi Canselor UTHM selama 20 tahun, baginda telah meletakkan nama universiti ini di persada antarabangsa melalui sokongan kewangan dan kerjasama dengan institusi pendidikan serta industri antarabangsa.

Baginda merupakan Sultan yang berjiwa rakyat dan amat sinonim dengan Program Kembara Mahkota Johor (KMJ).

Aktiviti yang berteraskan kerja sosial yang diilhamkan oleh DYMM Tuanku Sultan Ibrahim sejak tahun 2001 ketika baginda menjadi Tunku Mahkota Johor adalah bertujuan untuk mendekatkan istana dengan rakyat selain mempromosikan industri pelancongan.

Program KMJ dengan konvoi pelbagai jenis kenderaan dijadikan acara tahunan yang disertai oleh YAB Menteri Besar dan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri di semua 10 daerah di negeri Johor.

Program Kembara Mahkota Johor memberi pengalaman dan faedah kepada Anggota Pentadbiran Negeri sehingga berupaya melaksanakan dasar pembangunan yang benar-benar memberi manfaat kepada rakyat khususnya yang tinggal di luar bandar.

Bersempena dengan program Kembara Mahkota Johor 2010 yang bertujuan untuk mendekatkan hubungan keluarga DiRaja Johor dengan rakyat, DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah mencipta sejarah apabila menjadi Sultan pertama memandu kereta api sejauh 391.3 kilometer selama tiga hari dan melakukan prosedur "turn table" bagi memusingkan lokomotif 86 tan dalam tempoh 10 minit di Stesen Gemas, Negeri Sembilan.

Ini melayakkan baginda memperoleh Lesen Memandu Lokomotif Kelas 26 yang menyumbang kepada warisan kejuruteraan negara serta diiktiraf oleh Malaysia Book of Records.

Di samping itu, baginda juga berkelayakan mengendali pelbagai jentera pengangkutan di antaranya helikopter, pesawat jet, kapal layar, bot berkelajuan tinggi, 'Mack Truck' dan juga bas.

Pada tahun 2022, baginda menzahirkan minat dan sokongan terhadap perkembangan infrastruktur dan hubungan bilateral dengan Singapura melalui pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link.

RTS Link merupakan sistem transit aliran ringan pertama dibina di Johor Bahru yang mana Johor merupakan pintu masuk utama di selatan negara

yang dijangka dapat mengurangkan kadar kesesakan di Tambak Johor sehingga 35 peratus dan mampu menampung seramai 10,000 penumpang setiap jam.

Projek RTS Link tersebut bukan sahaja memberikan manfaat daripada segi sosioekonomi, malah bakal mengubah landskap pengangkutan awam di Johor.

Baginda turut menyokong pembangunan Stesen Jana Kuasa Southern Power Generation (SPG) di Pasir Gudang pada tahun 2022, yang kemudiannya dikenali sebagai Sultan Ibrahim Power Plant.

Stesen jana kuasa terbabit merupakan loji jana kuasa komersial pertama di dunia menggunakan turbin gas berteknologi paling cekap dihasilkan oleh General Electric (GE).

Dengan beroperasinya stesen jana kuasa tersebut, ia secara tidak langsung merancak dan menggalakkan lagi usaha pelaburan dari dalam dan luar negara.

DYMM Sultan Johor juga sangat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat terutama ketika bencana melanda.

Buktinya baginda dan keluarga sering menyantuni rakyat jelata untuk melihat sendiri situasi, mendengar keluh kesah dan mengambil berat terhadap kesulitan yang dialami mangsa bencana.

Sikap prihatin yang ada dalam diri turut mendorong baginda untuk sering menghulurkan bantuan kepada golongan berkeperluan.

Sebagai tanda prihatin terhadap kebajikan rakyat, baginda mengasaskan Yayasan-Yayasan DiRaja Johor seperti Yayasan Sultan Ibrahim Johor, Yayasan Raja Zarith Sofiah, Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor, Yayasan Sultanah Fatimah dan Yayasan Sultanah Rogayah.

Penubuhan Yayasan tersebut bertujuan membantu dan membangun taraf hidup rakyat dari aspek ekonomi, pendidikan, kebajikan, biasiswa, perubatan, kesenian, pemerksaan wanita dan kanak-kanak serta bantuan kepada golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Peranan yang dimainkan baginda dalam hal ehwal perkembangan kelestarian persekitaran, ekonomi dan sosial di negeri Johor telah menjadikan negeri Johor antara negeri termaju di negara ini.



4837 graduan dirai dalam Istiadat Konvokesyen UTHM ke-23

BATU PAHAT – Seramai 4837 graduan merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah (135), sarjana (314), sarjana muda (3543) dan diploma (845) dirai dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ke-23 yang diadakan pada 2 hingga 7 Disember 2023.

Canselor UTHM, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor telah menyempurnakan sidang khas istiadat konvokesyen yang berlangsung pada 2 Disember bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk.

Pada sidang tersebut, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan Mekanikal bagi menghargai sumbangan dan kecemerlangan baginda dalam kepimpinan lestari kepada UTHM, Bangsa Johor dan Malaysia.

Turut berangkat, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor.

Hadir sama, Pro-Canselor UTHM, Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor; Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor; Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi; Dato' Dr. Haji Abdul Rahim Ramli, Yang DiPertua Jumaah Majlis DiRaja Johor; Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM dan Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM.

Sementara itu, sidang satu istiadat konvokesyen juga turut menyaksikan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Ts. Dr. Ismail Abdul Rahman bagi menghargai penglibatan dan sumbangan beliau dalam dunia pendidikan tinggi, industri, komuniti dan kepimpinan.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Pro Canselor UTHM, Tan Sri Dato' Dr. Azmi Rohani.

Beberapa anugerah seperti Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Sultan Ibrahim, Anugerah Canselor, Anugerah Tesis Terbaik Pascasiswazah (Ijazah Kedoktoran), Anugerah Tesis Terbaik Pascasiswazah (Sarjana Penyelidikan), Anugerah Tan Sri Dato' Paduka Hajjah Aishah Ghani, Anugerah Akademik Yayasan UTHM, Anugerah Projek Sarjana Muda Terbaik, Anugerah Khas Alumni UTHM (Kategori Akademik), Anugerah Kecemerlangan Lembaga Jurutera Malaysia, Anugerah UTHM Holdings dan Anugerah Wakaf dan Endowmen turut diberikan kepada graduan terpilih.

Bagi merai graduan dan memeriahkan lagi Konvokesyen UTHM ke-23, penganjuran Festival

Konvokesyen 2023 (FESKON'23) yang sarat dengan pelbagai aktiviti/program dijangka bakal menarik ribuan pengunjung ke UTHM.

Turut diadakan, Majlis Pemakaian Hud Pascasiswazah yang bertujuan merai kejayaan graduan ijazah sarjana dan doktor falsafah secara penyelidikan bersama penyelia masing-masing.

Dengan berlangsungnya istiadat konvokesyen kali ke-23 ini maka jumlah alumni UTHM mencatatkan penambahan menjadikan bilangannya sebanyak 57,895 orang.





Profesor Ts. Dr. Ismail Abdul Rahman dianugerah gelaran Profesor Emeritus

BATU PAHAT – Pro Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Tan Sri Dato' Dr. Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor telah menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Profesor Ts. Dr. Ismail Abdul Rahman ketika berlangsungnya Sidang 1 Istiadat Konvokesyen UTHM ke-23 yang diadakan pada 2 Disember 2023.

UTHM menganugerahkan gelaran tersebut bagi menghargai penglibatan dan sumbangan beliau dalam dunia pendidikan tinggi, industri, komuniti dan kepimpinan.

Graduan ijazah doktor falsafah dalam bidang *Building Engineering* dari University of Manchester, United Kingdom itu berpengalaman luas dalam bidang pendidikan kejuruteraan awam Institusi Pengajian Tinggi dengan pengalaman hampir empat dekad dalam pengajaran kejuruteraan dan pentadbiran akademik.

Selain penerbitan artikel jurnal, kertas persidangan dan buku, beliau turut bergiat aktif sebagai ahli pasukan dalam penghasilan reka cipta, inovasi dan paten.

Antara pengiktirafan tertinggi yang diperoleh beliau adalah pernah memenangi pingat Emas dan Anugerah Khas dalam Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2015) melalui projek SWID Web (Solid Waste Illegal Dumping Web).

Anak kelahiran Muar, Johor itu juga telah menyelia ramai pelajar pascasiswazah dalam bidang kejuruteraan awam di peringkat sarjana dan doktor falsafah, selain turut dilantik sebagai pemeriksa luar dan dalam bagi peperiksaan lisan (*viva voce*) pelajar penyelidikan.

Beliau turut dilantik sebagai pengucaptama bagi pelbagai persidangan bertaraf antarabangsa, selain menjadi rujukan penyelidik dalam dan luar UTHM berkaitan kaedah menulis artikel jurnal berindeks Scopus.

Prof. Ismail juga mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan universiti antaranya pernah memegang jawatan pengurusan utama seperti Ketua Penerbit, Dekan Pusat Pengajian Diploma, Dekan Pusat Pengajian Siswazah sehinggalah menjawat jawatan Timbalan Naib Canselor Akademik dan

Antarabangsa (TNCAA) dari 2018 sehingga tahun 2020.

Antara sumbangan terbesar semasa memegang jawatan TNC (Akademik dan Antarabangsa), beliau berjaya meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa dengan membawa hampir 200 pelajar dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) untuk mengikuti program pascasiswazah di UTHM.

Selain itu, beliau antara pasukan pengurusan universiti yang membantu UTHM mendapatkan lima bintang dalam penarafan QS Stars Rating melalui sumbangan idea menambah bilangan staf antarabangsa sebagai pensyarah dan pasca kedoktoran.

Selain itu, kecemerlangan dan ketokohan beliau turut dilihat oleh pihak luar, yang mana beliau telah dilantik sebagai pengerusi bagi pembangunan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi (B.Tech) di bawah Malaysian Technical University Network (MTUN).

Hasilnya dalam tempoh enam bulan, 10 program B.Tech telah diluluskan oleh Jabatan Pengajian Tinggi pada tahun 2020 bagi memberi peluang kepada lepasan diploma kolej vokasional melanjutkan pengajian di universiti di bawah MTUN.

Program tersebut telah direka bentuk untuk menghasilkan pelajar berciri usahawan dan tidak hanya bergantung kepada peluang pekerjaan kerajaan atau swasta semata.

Kepakaran Prof. Ismail turut diiktiraf apabila beliau telah dilantik sebagai Pengerusi *Concrete Society of Malaysia* (CSM) pada tahun 2010 hingga 2011.

Selain itu, beliau diiktiraf sebagai 'Profesional Technologist' dalam bidang Building and Construction Technology pada tahun 2018.

Antara sumbangan besar beliau ialah menjadi pengasas dan ketua editor *International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology* (IJS CET) sehingga kini dan telah mendapat pengindeksan *Scopus* dan *Web of Science* (WoS).

Kepakarannya dalam bidang kejuruteraan awam turut diperakui oleh pihak luar apabila beliau telah dilantik sebagai Ketua Perunding Projek Perundingan Pembangunan Kurikulum bagi lima program Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam, Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTMM) Sri Gading.

Projek perundingan selama enam tahun yang bernilai RM5 juta itu telah dianugerah oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Beliau berpegang teguh kepada prinsip bahawa tiada jalan pintas untuk mencipta kejayaan kecuali bekerja keras dan bertawakal kepada Tuhan yang satu.

Setelah lama bekerja keras dan menyumbang bakti khususnya dalam bidang pendidikan peringkat pengajian tinggi, Prof. Ismail akhirnya dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor pada tahun 2016.

Kecemerlangan dan ketokohan beliau diiktiraf masyarakat apabila beliau dianugerahkan sebagai 'Tokoh Maal Hijrah' peringkat daerah Batu Pahat pada tahun 2018.

Beliau kini telah bersara wajib namun masih gigih menyumbang khidmat nasihat, kepakaran dan pengalaman selagi mana kudrat mengizinkan.





Festival Konvokesyen 2023 bakal tarik lebih 60 ribu pengunjung

BATU PAHAT – Festival Konvokesyen 2023 (FESTKON'23), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diadakan di Padang Kawad, kampus induk bermula pada 1 hingga 10 Disember ini menjadi acara wajib yang bakal menarik lebih 60 ribu pengunjung ke kampus.

Penganjuran festival yang bertemakan "Universiti Memperkasa Perpaduan Insani" itu dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM dengan kerjasama Koperasi Siswa UTHM (KOSISWA), selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam agenda pemerksaan mahasiswa yang inginkan penglibatan para pelajar dalam pengurusan.

Pengerusi Jawatankuasa FESTKON'23, Haszrinaz Husain@Hashim yang juga Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, UTHM berkata FESKON'23 merupakan latihan secara langsung kepada pelajar untuk kekal aktif di dalam atau luar bilik kuliah.

"Ia juga sebagai platform mengasah kepimpinan pelajar dengan jati diri yang mantap dan berkemahiran sendiri yang tinggi.

"Seramai 850 orang pelajar terlibat secara langsung dalam pengendalian FESTKON23 ini dan mereka dipantau sepenuhnya oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar," jelas beliau.

Tambah beliau FESKON'23 juga diadakan bagi menarik masyarakat setempat berkunjung ke UTHM selain sebagai usaha merapatkan hubungan antara universiti dan komuniti serta endah antara satu sama lain melalui penganjuran aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Festival ini dimeriahkan dengan 220 lot gerai terdiri daripada pelbagai variasi jualan dan pengisian program anjuran kelab-kelab pelajar.

Pelbagai aktiviti menarik bakal menanti pengunjung sepanjang 10 hari festival berlangsung antaranya persembahan artis-artis terkenal tanah air, pameran daripada kelab dan agensi, pelbagai pertandingan seperti acara sukan, kebudayaan, mewarna, fotografi, nasyid, memasak dan dekorasi makanan, auto-show serta program kerohanian seperti UTHM Berselawat dan Pencetus Ummah.



Tambah Haszrinaz, kesemua acara dan program yang dianjurkan melibatkan beberapa golongan sasaran seperti komuniti tempatan dan antarabangsa, industri, kanak-kanak, pelajar sekolah dan juga universiti.

Sementara itu, Majlis Perasmian FESTKON'23 yang diadakan pada 2 Disember 2023 disempurnakan oleh ADUN Kawasan Parit Raja, YB Nor Rashidah Ramli bertempat di Pentas Padang Kawad UTHM.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pegawai-pegawai Kanan Universiti, wakil dari agensi kerajaan dan swasta serta Majlis Perwakilan Pelajar UTHM.

Turut berlangsung Pelancaran Tabung Palestin UTHM Prihatin serta persembahan artis jemputan.





UTHM antara 150 universiti terbaik dunia dalam penarafan UIGWUR 2023

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memperoleh keputusan yang membanggakan apabila berjaya melonjak naik ke ranking 132 sekali gus menjadi antara 150 universiti terbaik dunia dalam penarafan UI GreenMetric World University Rankings (UIGWUR) 2023.

UTHM berjaya naik 33 anak tangga berbanding di kedudukan ke-165 pada tahun lalu sekali gus menjadi rekod terbaik yang pernah dicapai oleh UTHM sepanjang penyertaannya sejak tahun 2017.

Manakala bagi kedudukan IPTA/IPTS di Malaysia, UTHM kekal di kedudukan kesembilan daripada 43 penyertaan, dan kekal menjadi antara 10 universiti terbaik di negara ini.

Untuk rekod, penarafan UIGWUR yang diumumkan pada 5 Disember lalu disertai oleh 1,183 universiti dari seluruh dunia.

Penarafan UIGWUR ini merangkumi penilaian inisiatif kelestarian yang dilaksanakan oleh universiti berdasarkan beberapa elemen yang ditetapkan iaitu Tetapan dan Infrastruktur, Tenaga dan Perubahan

Iklm, Sisa, Air, Pengangkutan serta Pendidikan dan Penyelidikan.

Lebih membanggakan, bagi elemen Pendidikan dan Penyelidikan, UTHM mencatatkan markah penuh 100 peratus dengan kedudukan ranking ke-23 keseluruhan dan ke-2 di Malaysia.

Menurut Pengarah Pejabat Kampus Lestari (SCO) UTHM, Profesor Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir proses pengumpulan data dan penyediaan laporan UIGWUR 2023 telah bermula pada Mac 2023 dan penghantaran laporan serta evidence akhir telah diserahkan pada 30 Oktober 2023.

Tambah beliau, pengumpulan data tersebut telah diselaraskan oleh Prof. Madya Dr. Nur Shaylinda Mohd Zin yang melibatkan Penyelaras Data Hijau daripada 27 PTj dan Pusat Kecemerlangan/Pusat Penyelidikan UTHM.

Manakala proses penyediaan laporan pula telah dilaksanakan oleh SCO bersama Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian Universiti (JPKU).

"JPKU adalah terdiri daripada Kluster Sisa dan Kitar Semula yang diketuai oleh Ir. Ts. Dr. Tong Yean Ghing, manakala Kluster Air diketuai oleh Dr. Amani Filzah Mohd Kamil, Kluster Perjalanan dan Pengangkutan diketuai oleh Dr. Mohammad Nasir Mohamad Taher, Kluster Pendidikan dan Penyelidikan diketuai oleh Dr. Nur Adila Ab. Aziz, Kluster Pembangunan, Iklim dan Daya Tahan diketuai oleh Prof. Madya Dr. Rozlin Zainal, Kluster Bangunan Hijau diketuai oleh Dr. Mohd Azuan Zakaria dan Kluster Tenaga diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Noor Abdullah.

"Setiap ketua kluster telah menyelaras penyediaan laporan bagi setiap elemen penilaian UIGWUR dan mereka dibantu oleh ahli-ahlinya," jelas beliau.

Selain itu, UTHM turut diberikan penghargaan atas usaha yang telah dilakukan terhadap pengurusan e-waste di kampus menerusi penganugerahan sijil "UI GreenMetric E-Waste Campaign."

"Kejayaan ini menunjukkan semangat dan komitmen yang diberikan oleh warga UTHM dalam membudayakan amalan kelestarian di kampus semakin meningkat tinggi.

"Secara tidak langsung, inisiatif dan penyertaan seumpama ini mampu meningkatkan lagi imej UTHM di peringkat nasional mahupun global," katanya.





MAINJ sumbang RM18 ribu kepada pelajar Palestin UTHM

BATU PAHAT, 3 Dis 2023 - Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah menyumbang zakat berjumlah RM18 ribu kepada enam pelajar Palestin Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Penyerahan zakat tersebut disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Tuan Haji Mohd Fared Mohd Khalid sambil disaksikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor.

Sumbangan tersebut merupakan tanda solidariti dan keprihatinan pihak MAINJ bagi membantu meringankan beban pelajar Palestin di UTHM.

“Sumbangan ini diharap dapat memberi sedikit kegembiraan kepada semua pelajar Palestin dalam mendepani konflik Israel-Palestin,” kata Mohd Fared.

Turut sama menyaksikan penyerahan tersebut, Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad dan Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Ir. Dr. Ruzairi Abdul Rahim.

Penyerahan tersebut diadakan sejurus selesai Sidang Khas Istiadat Konvokesyen UTHM Kali ke-23 pada 2 Disember 2023.





UTHM taja yuran pengajian, bantu sara hidup pelajar Palestin

BATU PAHAT, 3 Dis 2023 - Sebagai tanda prihatin terhadap kebajikan pelajarnya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Islam dan Pusat Wakaf & Endowmen telah memberi sumbangan kepada enam pelajar Palestin.

Pusat Islam telah menyerahkan sumbangan bernilai RM25,929 bagi penajaan yuran pengajian pelajar Palestin Semester I Sesi 2023/2024.

Manakala Pusat Wakaf dan Endowmen pula menyerahkan sumbangan sara hidup berjumlah RM22,800 untuk tempoh enam bulan bermula pada Disember 2023 sehingga Mei 2024 akan datang.

Sumbangan disampaikan oleh Pengarah Pusat Islam UTHM, Ustaz Mohd Lotfi Solihan dan Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen, Haizal Ahmad @ Mohamad sambil disaksikan Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim.

Terdahulu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengumumkan pengecualian bayaran yuran pengajian kepada pelajar Palestin yang sedang menuntut di universiti awam (UA) di negara ini untuk tempoh setahun bermula serta-merta.

Tajaan tersebut sebagai tanda keprihatinan warga UTHM dalam menyokong isu kemanusiaan sejagat dan seterusnya menyokong pendirian kerajaan bagi memastikan 'sokongan penyelesaian praktikal' dapat dicapai.

Sumbangan yang diberikan itu juga diharap dapat meringankan beban dan menaikkan lagi semangat mereka untuk meneruskan pengajian di UTHM.





Pasukan Mak Janda Johor raih anugerah 'Program Inovasi Terbaik' di Anugerah Ikon Siswa Johor 2023

JOHOR BAHRU, 19 Dis 2023 - UTHM melalui Pasukan Mak Janda Johor berjaya meraih anugerah 'Program Inovasi Terbaik' ketika menyertai Anugerah Ikon Siswa Johor (AISJ) 2023.

Projek hasil cetusan idea Dr. Adi Syahid Mohd Ali dan Naqibah Azman itu dilaksanakan oleh Muhamad Faris Mohd Hisam dan pasukannya melalui projek 'Duta Mahasiswa Johor 2023' yang sebelumnya berjaya menerima dana sebanyak RM 15,000.

Menurut Muhamad Faris, lebih kurang 400 ibu tunggal di Parlimen Batu Pahat menghadapi masalah kekurangan pekerjaan dan mempunyai tanggungan.

"Setelah melakukan beberapa analisa, majoriti ibu tunggal didapati mempunyai kemahiran memasak yang sangat tinggi.

"Jadi kami ingin membantu mereka mengembangkan kemahiran memasak masing-masing dengan menghasilkan satu produk pek makanan yang menggunakan teknologi retort, yang mempunyai nilai ekonomi.

"Penggunaan teknologi retort mampu membuatkan makanan tersebut bertahan selama dua tahun," kata Muhamad Faris.

Projek yang meningkatkan potensi ibu tunggal itu dilihat memberi kesan positif dalam membantu mereka menjana dan menambah pendapatan melalui projek keusahawanan sosial.

Setakat ini, empat jenis lauk tradisi johor berjaya dihasilkan antaranya ayam masak kicap, kari ayam, daging masak hitam dan ayam unkep.

Lauk-lauk tersebut sememangnya mempunyai permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Sehingga hari ini, 1,245 pek berjaya dijual dengan pulangan yang berjaya dijana sebanyak RM 13,065.00.

Tambah Muhamad Faris, pek makanan yang dihasilkan amat sesuai dijadikan pek makanan mesra bencana dan pek makanan untuk tujuan melancong.

Untuk rekod, beberapa kejayaan telah dirangkul sepanjang projek tersebut dilaksanakan antaranya Usahawan Muda Harapan, pingat gangsa bagi Minggu Penyelidikan & Inovasi 2023, penerima dana projek tertinggi di UTHM bagi tahun 2023 dan *Best Innovation Award* di *APEC Entrepreneurship Education Program 2023*, Seoul, Korea.



SARJANA MUDA SAINS

Analitik Data Komputasi

Dengan Kejujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kejujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

TEMPOH PENGAJIAN



Minimum : 3.5 Tahun
(7 Semester panjang,
2 Semester Pendek)
Maksimum : 7 Tahun
(14 Semester panjang,
4 Semester Pendek)

MOD PENGAJIAN



Mod Industri (2u2i)




JAM KREDIT






125 Jam Kredit

SYARAT KEMASUKAN





LEPASAN STPM

-  Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN MATRIKULASI

-  Gred C (2.00) Matematik
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

LEPASAN DIPLOMA

-  Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)
2.50
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)
Malaysian University English Test (MUET)
-  Diploma Sains / Diploma Statistik
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains
Gunaan
-  Calon yang tidak memenuhi syarat
CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai
pengalaman bekerja sekurang -kurangnya
2 tahun dalam bidang berkaitan

PELUANG KERJAYA

Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data
Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran
Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data
Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik
Pembuat Keputusan Berasaskan Data



PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahuan dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usaha sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekati kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030